

14 MAR 1998

NASIHAT SUPAYA TIADA PERTANDINGAN DEMI KUATKAN NEGARA, KATA MB SELANGOR

KUALA SELANGOR, 14 Mac (Bernama) -- Nasihat Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya tiada pertandingan diadakan pada pemilihan bahagian Umno bertujuan untuk mengukuhkan parti, sekaligus menguatkan negara untuk menghadapi masalah kegawatan ekonomi sekarang.

Menteri Besar Selangor, Datuk Abu Hassan Omar berkata dengan tiadanya pertandingan tersebut, secara tidak langsung ia boleh mengelakkan daripada berlakunya politik wang, permusuhan, fitnah menfitnah, surat layang serta pelbagai perkara negatif yang boleh melemahkan negara.

Beliau berkata walaupun ia berbentuk nasihat, tetapi ia adalah perkara penting yang perlu dipatuhi oleh semua anggota Umno bagi menjaga perpaduan dan keharmonian parti.

"Kalau nasihat Presiden parti sendiri tidak mahu dipatuhi, nak dengar nasihat siapa lagi," katanya ketika berucap pada majlis persidangan Perwakilan Umno bahagian Kuala Selangor di Dewan Sekolah Menengah Agama Kuala Selangor, di sini hari ini.

Katanya Umno merupakan parti yang berjuang bagi mendukung cita-cita kebangsaan Melayu demi mengekalkan maruah serta martabat bangsa, agama dan negara.

"Namun begitu masih ada di kalangan anggota parti yang tidak berdisiplin dalam mengejar cita-cita politik mereka dan berjuang semata-mata untuk kepentingan diri sendiri dengan mengetepikan soal moral dan maruah diri," katanya. -- BERNAMA

AZH AKD